

31/01/1998

Pemimpin, penyokong parti patuhi arahan

KOTA BHARU, Jumaat - Semua pemimpin dan penyokong 14 Umno bahagian di negeri ini diminta mematuhi dan menerima saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak berlaku pertandingan bagi jawatan Ketua Umno bahagian pada pemilihan parti Mac ini.

Sehubungan itu, Badan Perhubungan Umno negeri meminta semua pihak menghentikan sebarang kenyataan yang boleh menggawatkan keadaan atau menimbulkan pelbagai tafsiran.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, kenyataan Dr Mahathir selaku Pengerusi Perhubungan Umno negeri baru-baru ini bukan bertujuan menjaga kepentingan mana-mana pihak, sebaliknya untuk kebaikan Umno Kelantan sendiri.

Menurutnya, beliau sedar ada tuduhan dan dakwaan dilemparkan kononnya keputusan itu dibuat oleh ketua bahagian bertujuan menyelamatkan kedudukan mereka.

"Dakwaan ini tidak benar, sebaliknya ia adalah keputusan Presiden yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri yang kita persetujui sebagai keputusan badan perhubungan," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena sambutan Aidilfitri, di kediamannya, di Sri Puri, di sini hari ini.

(END)